

28 OCT 2000

Rafidah - Pembangkang

PEMBANGKANG JADIKAN PARLIMEN SEPERTI SARKAS, KATA RAFIDAH

PARIT BUNTAR, 28 Okt (Bernama) -- Anggota Parlimen parti pembangkang yang bertindak liar dan tidak mengikut disiplin semasa membentangkan Belanjawan 2001 oleh Menteri Kewangan semalam, menganggap Parlimen sebagai sarkas, kata Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini.

Katanya, "Sebagai orang veteran lama dalam Parlimen saya merasa sangat-sangat sedih tentang trend dan tingkah laku anggota Parlimen dari parti pembangkang yang menganggap Parlimen sebagai sarkas.

"...dan tempat untuk menunjukkan kejaguan yang tidak tentu hala dan sebagai arena bertarung bahasa biadap," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Karnival Luar Bandar 2000 anjuran pergerakan Wanita Umno di sini hari ini.

Beliau berkata ini adalah sejarah hitam dalam Parlimen dan kalau itulah caranya mereka berdebat dalam Parlimen, maka ianya tidaklah rasional dan tidak bergantung kepada fakta dan sebagainya, dan debat mereka akan memperlihatkan sikap yang melulu dengan bangun terjerit-jerit keseronokan.

"Saya sedih kalau begitu perangai anggota Parlimen pembangkang, maka mereka sebenarnya bukanlah anggota Parlimen," katanya.

"Malulah jika orang luar padang begitu, dan semalam adalah kemuncaknya yang mana nampak benar anggota pembangkang tidak tahu apa gunanya Parlimen itu," katanya.

" Saya yakin ia adalah teladan yang cukup buruk bagi prestasi Parlimen kita, dan berharap jangan berulang lagi kerana ianya memalukan negara," katanya.

Rafidah, yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata belum pernah Menteri Kewangan yang membentangkan Belanjawan diganggu oleh anggota pembangkang seperti itu.

Pada kebiasaannya, anggota Parlimen akan mendengar dengan habis-habisan apa yang dibentangkan dan jika tidak berpuas hati akan dibangkitkan semasa bahas, dengan mengikut tatatertib yang diperuntukkan oleh aturan mesyuarat Dewan Rakyat, katanya.

"Saya yakin orang yang undi mereka tidak suruh pergi ke Parlimen menjerit-jerit ataupun mengguna bahasa kasar ataupun bertindak sebagai anak-anak ganas," katanya.

Beliau berkata bagi penyokong pembangkang, inilah jenis-jenis wakil rakyat yang telah mereka sokong yang bukan menyelesaikan masalah rakyat di Parlimen, tetapi bertindak mengikut perasaan sendiri dan tidak mengikut disiplin.

Sebahagian besar daripada anggota Parlimen dari parti pembangkang adalah terdiri daripada orang Melayu yang beragama Islam, yang mana Islam mementingkan disiplin, menjaga maruah dan bertata tertib, katanya.

Beliau berkata tindakan mereka hanya melafazkan agama sebagai perjuangan politik, dan di Parlimen mereka tidak menunjukkan sifat mulia sebagai umat Islam.

Sementara itu, dalam ucapan perasmianya Rafidah menggulangi permintaan Wanita Umno supaya pihak berkuasa meneliti tindakan-tindakan yang boleh diambil terhadap rakyat yang menderhaka kepada negara seperti tindakan Ketua Pemuda Keadilan Mohamad Ezam Mohd Nor yang mengaku secara terbuka beliau terbabit dalam gerakan memburukkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan negara di luar negara.

Beliau berkata penting tindakan diambil, kerana tindakan mereka cuba melemahkan kerajaan akan melemahkan keupayaan kerajaan membela dan menjalankan kebajikan kepada rakyat.

Walaupun bukan trend baru oleh parti pembangkang memburukkan negara di luar negara, tetapi ini adalah kali pertama rakyat Malaysia yang melakukannya mengaku dengan megah, dengan berdabik dada yang dia membuat

segala-gala kerja yang menyusahkan dan memburukkan negaranya sendiri, katanya.

"Kita megah kalau kita membuat sesuatu yang baik untuk negara, ini megah kerana mengkhianati negara. Ini adalah perangai yang tidak layak dipanggil sebagai perangai rakyat Malaysia," katanya.

" Kalau mereka mirip untuk berkerjasama dengan orang luar untuk menghancurkan negara sendiri, saya cadang mereka tinggalkan negara ini dan pergi bertuan ke negasa asing," katanya.

-- BERNAMA

HK RI